



PARA mahasiswa dan mahasiswi yang mendapat Anugerah Dekan.

49 mahasiswa terima Anugerah Dekan

UB 04-04-2012 B6

LABUAN: Seramai 49 mahasiswa dan mahasiswi telah menerima anugerah pada Majlis Amanat dan Anugerah Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang diadakan di Dewan Utama UMS-KAL, baru-baru ini.

Mereka yang memperolehi keputusan Purata Nilai Gred (PNG)) 3.50 ke atas pada semester lalu dan mewakili lima kursus yang ditawarkan iaitu HE-19 Kewangan Antarabangsa, HE-20 Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, HE-21 Pemasaran Antarabangsa,

HE-22 Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan HE-23 Kewangan Islam telah menerima Anugerah Dekan SPKAL. Penganugerahan disempurnakan oleh Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr. Norazah Mohd Suki.

Dalam ucapannya, Norazah mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dekan dan mengharapkan agar adanya peningkatan akademik untuk semua mahasiswa dan mahasiswi UMSKAL.

Beliau menasarkkan SPKAL akan berjaya

menghasilkan lebih 30 peratus yang mendapat PNGK (Purata Nilai Gred Kumulatif) 3.00 ke atas bagi mahasiswa Tahun Tiga pada sesi konvo yang akan datang.

“Kita mesti ada keseimbangan akademik dan aktiviti di kalangan mahasiswa SPKAL selain penting dalam menyediakan resume untuk alam selepas kampus dan membantu dalam kebolehpasaran graduan,” katanya.

Turut hadir Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Lee Hock Ann serta pensyarah-pensyarah SPKAL.